

ANUGERAH BIASISWA PERDANA YTI 2020

BAHAGIAN I: SYARAT-SYARAT DAN ARAHAN KEPADA PEMOHON/PELAJAR

- Syarat-syarat kelayakan permohonan Anugerah Biasiswa Perdana YTI 2020 adalah seperti berikut:
 - Warganegara Malaysia;
 - Mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM dan A Level/ Asasi;
 - Umur tidak melebihi 22 tahun pada 1 Julai 2020; dan
 - Mendapat tawaran bersyarat (*conditional offer*) untuk mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda di mana-mana universiti dan dalam mana-mana bidang yang tersenarai dalam Jadual I tertakluk kepada keputusan akhir peperiksaan dan tawaran tidak bersyarat (*unconditional offer*).
- Permohonan terbuka kepada pelajar A-Level atau American Degree Programme atau International Baccalaureate. Pemohon perlu mendapat surat tawaran bersyarat (*conditional offer*) terlebih dahulu dari universiti-universiti terpilih di United Kingdom (UK) dan Amerika Syarikat (AS) seperti berikut:

Jadual 1: Senarai universiti-universiti terpilih di United Kingdom (UK) dan Amerika Syarikat (AS) terpilih

Universiti terpilih di UK:	Universiti terpilih di AS:		
1. University of Oxford	1. California Institute of Technology	6. University of Chicago	11. University of California Los Angeles
2. University of Cambridge	2. Stanford University	7. University of Pennsylvania	12. Duke University
3. Imperial College London	3. Massachusetts Institute of Technology	8. Yale University	13. University of California, Berkeley
4. University College London	4. Harvard University	9. Johns Hopkins University	14. Cornell University
5. London School of Economics & Political Science	5. Princeton University	10. Columbia University	15. Northwestern University

- Senarai kursus yang ditawarkan oleh universiti seperti di Jadual 1 adalah seperti berikut:

1. Perakaunan	6. Perundangan	dan lain-lain kursus KECUALI Perubatan, Pergigian, Farmasi ATAU kursus yang tidak berkaitan dengan syarikat PNB seperti Muzik, Fesyen, Teologi
2. Sains Aktuari	7. Pengurusan Risiko	
3. Ekonomi	8. Hartanah & Hospitaliti	
4. Kewangan	9. Komunikasi	
5. Teknologi Maklumat	10. Falsafah, Politik & Ekonomi	

- Sila ikuti langkah-langkah tersebut dengan teliti.
 - Langkah 1** - Sila lengkapkan semua butiran di dalam Borang Permohonan yang disediakan dalam format "Microsoft Excel" ini. Sila isi maklumat dengan menggunakan **HURUF BESAR**.
 - Langkah 2** - Sila hantarkan "softcopy" Borang Permohonan (dalam format "Microsoft Excel") yang telah lengkap dan juga **SEMUA SALINAN DOKUMEN WAJIB** seperti yang dinyatakan di Borang di **BAHAGIAN XI: SENARAI SEMAK DOKUMEN PENGHANTARAN YANG TELAH DISAHKAN BERSAMA BORANG PERMOHONAN** ke alamat emel **edd@pnb.com.my**.
- Salinan-salinan yang dinyatakan di atas serta lain-lain dokumen seperti yang terkandung dalam Senarai Semak Penghantaran Dokumen hendaklah disahkan oleh sama ada:
 - Pengetua Sekolah / Kolej Persediaan; atau
 - Pegawai Kerajaan / Badan Berkanun Kumpulan Pengurusan / Profesional (Kumpulan A); atau
 - Jaksa Pendamai (JP); atau
 - Pesuruhjaya Sumpah
- Borang permohonan biasiswa ini perlu diisi dengan jelas dan tepat. PNB berhak menolak permohonan yang tidak lengkap atau palsu pada bila-bila masa.

BAHAGIAN II: PERHATIAN KEPADA PEMOHON/PELAJAR

- Permohonan yang tidak diisi dengan lengkap atau tanpa dokumen-dokumen seperti di Bahagian XI Borang tidak akan dipertimbangkan.
- Hanya pemohon yang disenarai pendek akan dipertimbangkan untuk peringkat seterusnya.
- Sekiranya pemohon tidak dihubungi dalam tempoh satu (1) bulan selepas tarikh tutup iklan, permohonan boleh dianggap tidak berjaya.
- Sebarang keputusan yang dibuat oleh PNB adalah muktamad. Sebarang surat menyurat atau pertanyaan tidak akan dilayan.